

20 JAN 1998

#### KAUM WANITA DIMINTA BANTU ATASI MASALAH KEKURANGAN MODAL

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kaum wanita supaya membantu mengatasi masalah kekurangan modal yang dialami negara dengan menjual barangan kemas mereka dan menyimpan wang hasil jualan itu di dalam bank atau melaburkannya di dalam dana-dana tempatan.

Perdana Menteri berkata, wang hasil jualan barangan kemas itu yang disimpan di dalam bank atau dilaburkan di dalam dana-dana tempatan boleh digunakan sebagai pinjaman bagi membolehkan syarikat-syarikat beroperasi dengan lebih lancar.

"Di negara-negara lain, wanita telahpun menderma barang-barang kemas mereka untuk membantu meringankan masalah ekonomi negara masing-masing.

"Kita cuma minta wanita-wanita yang simpan banyak barang emas supaya dapat jual barang tersebut dan simpan duitnya di dalam bank atau labur di dalam amanah-amanah saham supaya duit tersebut dapat digunakan," katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan serentak Kampus Institut Profesional Baitulmal, Yayasan Pembangunan Masjid Wilayah Persekutuan dan Buku Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur di sini.

Perdana Menteri berkata, banyak syarikat tidak dapat meneruskan perniagaan dalam keadaan kekurangan modal pada masa ini.

"Banyak syarikat tak boleh pinjam duit untuk buat perniagaan. Kalau tak boleh pinjam duit atau buat pinjaman maka dia rugi, syarikat akan tutup, ada yang tak dapat kerja.

"Apabila (syarikat) tak ada keuntungan, kerajaan tak dapat cukai. Apabila tak ada cukai, kerajaan tak dapat belanja dan jauh sekali nak bagi subsidi," katanya. -- BERNAMA

SHO RI